SAMPEL PERCUMA

Kajian Kes Pengajian Perniagaan STPM Semester 1

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Perniagaan

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

Bahagian A [50 *markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

1 Huraikan **tiga** faktor pengeluaran dalam sebuah perniagaan. [6]

2 Nyatakan **enam** persekitaran umum yang dihadapi oleh sesebuah perniagaan. [6]

3 Huraikan **tiga** langkah pertama dalam proses kawalan kualiti bagi sesuatu produk. [6]

4 Jelaskan **dua** kaedah pemeriksaan yang boleh digunakan dalam aktiviti pengeluaran. [6]

5 Nyatakan **empat** peringkat kitaran hayat produk. [4]

6 Huraikan model gelagat pengguna yang berikut:

(*a*) Kotak hitam pembeli. [2]

(*b*) Respons pembeli. [2]

7 (*a*) Berikan maksud *pengurusan risiko*. [1]

(*b*) Nyatakan **lima** kepentingan pengurusan risiko. [5]

8 Nyatakan **empat** prinsip insurans. [4]

9 Huraikan perbezaan antara spesifikasi kerja dengan penghuraian kerja dari aspek kandungan dan kegunaan. [4]

10 Huraikan **dua** aspek pemilihan pekerja. [4]

Bahagian B [50 *markah*]

Nestle Kukuhkan Integriti Produk Halal Ketika Pandemik

11 Nestle (Malaysia) Bhd sebagai satu pengeluar makanan halal terbesar di dunia, Nestle bertanggungjawab dan terus komited memperkukuhkan integriti halal agar dapat terus menjaga keyakinan pengguna. Pengerusi Jawatankuasa Halal Nestlé dan Ketua Bahagian Hal Ehwal Halal, Nestlé Malaysia, Othman Mohd Yusoff, menyatakan peneraju industri makanan tempatan melebihi 100 tahun, pihaknya bangga menjadi jenama utama industri halal global yang mengeksport produk makanan halal buatan tempatan ke lebih 50 negara.

Peranan Nestle dalam pembuatan produk halal dan terbabit dengan pelbagai aktiviti rantaian bekalan makanan termasuk pengeluaran, penyimpanan, pergudangan dan pengedaran produk halal. Ini merangkumi pemilihan bahan mentah dan ramuan yang menjadi keutamaan dalam operasi Nestle. Kesemua bahan mentah dan ramuan mesti memenuhi sepenuhnya syarat halal yang ditetapkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan perbadanan halal yang diiktiraf oleh JAKIM. Nestle menerajui piawaian halal dalaman yang diguna pakai sebagai dasar dan pendekatan untuk semua syarikat Nestlé di dunia dalam penerapan nilai serta pengeluaran produk halal pada tahun 1997. Piawaian dalaman diperkenalkan untuk memastikan semua produk halal Nestle seluruh dunia memenuhi keperluan dasar produk halal khususnya bagi pasaran yang tidak ada peraturan halal.

Bagi pasaran yang mempunyai peraturan halal, keperluan yang lebih ketat akan dipatuhi supaya tahap integriti dan kredibiliti pensijilan halal sentiasa terjaga. Nestle menjalankan pengauditan halal ke atas pembekal untuk memastikan setiap proses termasuk pemilihan bahan mentah, pembuatan produk dan logistik bukan sahaja memenuhi aspek pematuhan malah menepati keperluan kualiti serta keselamatan makanan. Neslte juga memastikan pematuhan halal yang baik dari segi pengendalian, penyimpanan dan pengangkutan bagi menjamin produk halal sentiasa dilindungi dalam pembungkusan serta kontena. Selain itu akan memastikan semua produk Nestle disimpan dalam persekitaran bersih dan terhindar daripada sebarang pencemaran.

Mengenai cabaran dan halangan operasi serta rantaian bekalan pada musim pandemik COVID-19, Nestlé sudah meneliti dan menilai risiko gangguan terhadap rantaian bekalan sejak awal lagi. Nestle telah merangka strategi dan inisiatif bagi langkah memastikan kesinambungan integriti halal dengan bekalan termasuk bahan mentah, ramuan dan bahan pembungkusan terkawal. Malahan usaha dijalankan bagi menjamin pengeluaran dan pengedaran makanan atau minuman Nestle kepada pengguna tidak terputus. Cabarannya pula dalam memastikan pematuhan piawaian halal berterusan dalam rantaian bekalan ketika pandemik ini. Sekatan pergerakan dan batasan aktiviti pekerja di lokasi sedikit sebanyak mengganggu kebolehupayaan Nestle untuk turun padang melaksanakan audit serta penilaian halal.

Cabaran itu dapat diatasi segera dengan mengambil langkah proaktif seawalnya seperti mengubahsuai dan menyusun semula prosedur audit serta penilaian halal Nestle. Syarikat ini juga melaksanakan audit secara virtual. Keadaan ini membolehkan Nestle terus memantau pematuhan halal dan memastikan jaminan produk halal kepada pengguna dalam situasi pandemik yang mencabar ini. Selain keupayaan audit, penilaian dan perbincangan secara virtual, syarikat ini juga memberi latihan serta bantuan teknikal dengan kaedah sama untuk meningkatkan pemahaman dalam memberi bimbingan meneruskan kawalan halal yang baik dalam kalangan pembekal Nestle.

Pasukan Nestle juga memanfaatkan hubungan baik dengan rangkaian pakar halal global dan badan pensijilan halal antarabangsa membolehkan kerjasama jika diperlukan sebagai langkah tambahan mengawasi operasi pembekal serta bantuan teknikal di lokasi pengeluaran seluruh dunia. Sebilangan besar pembekal Nestle menjalani latihan berkenaan halal, yang menjadi sebahagian daripada syarat utama syarikat di sektor halal dalam pematuhan keperluan pensijilan halal. Pembekal di luar negara pula akan mendapat latihan halal daripada badan halal yang diluluskan oleh JAKIM. Sebagai contoh, syarikat di Singapura akan menjalani latihan halal dengan Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS), syarikat Indonesia dengan Majelis Ulama Indonesia (MUI) dan syarikat Thailand dengan Central Islamic Council of Thailand (CICOT). Nestle telah mengadakan latihan tambahan mengenai amalan terbaik halal untuk pembekal terpilih terutama bagi pembekal bahan sensitif dari segi halal. Nestle akan terus berkongsi amalan terbaik halal bersama industri supaya semua akan mendapat manfaat dan berupaya mempertingkatkan operasi halal di Malaysia. Inisiatif Nestle ini seiring dengan aspirasi negara untuk menjadi produk halal hub yang terkemuka di persada dunia.

Berdasarkan kajian kes Nestle Kukuhkan Integriti Produk Halal Ketika Pandemik,

(*a*) Jelaskan **tiga** pendekatan kawalan kualaiti yang dilaksanakan oleh Nestle, dan [20]
(*b*) Terangkan **dua** alat kawalan kualiti yang digunakan dalam pengeluaran produk Nestle. [10]

Jawab **satu** *soalan sahaja.*

12 Jelaskan **lima** tahap perniagaan. [20]
13 Jelaskan campuran promosi yang boleh dilakukan oleh sebuah perniagaan. [20]

Bahagian A [50 *markah*]

1) Huraikan tiga faktor pengeluaran dalam sebuah perniagaan. [6]

1. Bahan Mentah
    - Segala input dari sumber semula jadi yang digunakan dalam proses pengeluaran bagi menghasilakan sesuatu produk seperti minyak, besi, kayu balak dan kelapa sawit.
2. Modal
    - Sebarang bentuk pelaburan yang akan menghasilakan pulangan kepada organisasi perniagaan.
3. Modal Insan
    - Individu yang menyumbangkan tenaga dalam bentuk fizikal, mental dan kemahiran dalam proses pengeluaran iaitu usahawan atau pekerja.
4. Teknologi
    - Kaedah, peralatan, mesin atau pengetahuan yang membolehkan manusia menjalankan kerja atau tugas dengan lebih baik bagi melaksanakan sesuatu aktiviti perniagaan.
5. Keusahawanan
    - keupayaan seseorang induvidu atau sekumpulan induvidu membentuk perniagaan atau keupayaan menggabungkan faktor-faktor pengeluaran dan menjadikan output dalam pengeluaran.

2) Senaraikan enam persekitaran umum yang dihadapi oleh sesebuah perniagaan. [6]

- Persekitaran ekonomi.
- Persekitaran persaingan dan jaringan.
- Persekitaran sosiobudaya.
- Persekitaran politik dan perundangan.
- Persekitaran teknologi.
- Persekitaran antarabangsa
- Persekitaran prasarana

3) Huraikan **tiga** langkah pertama dalam proses kawalan kualiti bagi sesuatu produk. [6]

Tiga langkah pertama dalam proses kawalan kualiti bagi sesuatu produk ialah
1. rancang
- megenalpasti masalah sebenar tgt kualiti produk yang dikeluarkan.
2. buat
- melaksanakan perancangan kawalan kualiti berdasarkan asas ujian yang dijalankan dan mengukur pencapaian/
- melakukan perubahan yang direka dalam menyelesaikan masalah secara berskala kecil.
3. semak
- Membuat pemantauan pelaksanaan proses perancangan penambahbaikan kualiti.
- mengenalpasti pelanggaran piawai yang telah ditetapkan.

11a) Tiga pendekatan kawalan kualaiti yang dilaksanakan oleh Nestle ialah:

i) Kawalan input

H: kawalan input merujuk kepada kawalan awalan yang dilaksanakan sebelum sebarang kerosakan berlaku/ sebelum pengeluaran

Kaitan kes:-

K1: Ini merangkumi pemilihan bahan mentah dan ramuan yang menjadi keutamaan dalam operasi Nestle **[9-10]**

K2: Kesemua bahan mentah dan ramuan mesti memenuhi sepenuhnya syarat halal yang ditetapkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan perbadanan halal yang diiktiraf oleh JAKIM **[10-12]**

K3: Piawaian dalaman diperkenalkan untuk memastikan semua produk halal Nestle seluruh dunia memenuhi keperluan dasar produk halal khususnya bagi pasaran yang tidak ada peraturan Halal **[15-17]**

K4:Nestle menjalankan pengauditan halal ke atas pembekal untuk memastikan setiap proses termasuk pemilihan bahan mentah, pembuatan produk dan logistik bukan sahaja memenuhi aspek pematuhan. **[19-22]**

K5: malah menepati keperluan kualiti serta keselamatan makanan**.[22-23]**

K6: Neslte juga memastikan pematuhan halal yang baik daripada segi pengendalian, penyimpanan dan pengangkutan bagi menjamin produk halal **[23-24]**

K7: Nestle telah merangka strategi dan inisiatif bagi langkah memastikan kesinambungan integriti halal dengan bekalan termasuk bahan mentah, ramuan dan bahan pembungkusan terkawal. **[29-31]**

ii) Kawalan Proses

H: Kawalan proses merujuk kepada kawalan semasa proses pengeluaran sedang dijalankan

Kaitan kes:-

K8: sentiasa dilindungi di dalam pembungkusan serta kontena. **[24-25]**

K9: Selain itu akan memastikan semua produk kami disimpan dalam persekitaran bersih dan terhindar daripada sebarang pencemaran**.[25-26]**

iii) Kawalan Output

H: kawalan dilaksanakan setelah/ selepas sesuatu proses pengeluaran tamat

kaitan kes:-

K10: menjadi jenama utama industri halal global yang mengeksport produk makanan halal buatan tempatan ke lebih 50 negara.[**6]**

K11: Syarikat ini juga melaksanakan audit secara virtual**.[39]**

K12: Keadaan ini membolehkan Nestle terus memantau pematuhan halal dan memastikan jaminan produk halal kepada pengguna di dalam situasi pandemik yang mencabar ini [**39-41]**

K13: Selain keupayaan audit, penilaian dan perbincangan secara virtual **[41-42]**

K14: syarikat ini juga memberi latihan serta bantuan teknikal dengan kaedah sama untuk meningkatkan pemahaman dalam memberi bimbingan meneruskan kawalan halal yang baik dalam kalangan pembekal Nestle **[42-44]**

11b) Dua alat kawalan kualiti yang digunakan dalam pengeluaran produk Nestle ialah:

I) Penanda aras

H: proses membandingkan prestasi dan merit sendiri dengan prestasi dan merit yang terbaik dalam industri

Kajian kes:-

K1: Nestle menjalani latihan berkenaan halal, yang menjadi sebahagian daripada syarat utama syarikat di sektor halal dalam pematuhan keperluan pensijilan halal **[48-50]**

K2: Pembekal di luar negara pula akan mendapat latihan halal daripada badan halal yang diluluskan oleh JAKIM **[50-51]**

K3: Syarikat di Singapura akan menjalani latihan halal dengan Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) **[51-52]**

K4: syarikat Indonesia dengan Majelis Ulama Indonesia (MUI) **[53]**

K5: syarikat Thailand dengan Central Islamic Council of Thailand (CICOT) **[53-54]**

12 Jelaskan **lima** tahap perniagaan. [20]

Lima tahap perniagaan ialah:

F1- Primer
H1- Aktiviti mengekstrak sumber semula jadi/ bahan mentah daripada perut bumi
H2- Hasil pengeluaran masih lagi belum boleh digunakan oleh pengguna akhir / perlu diproses untuk aktiviti selanjutnya
C- aktiviti pembalakan, perikanan, perlombongan, pertanian

F2- Sekunder
H1- pemprosesan bahan mentah menjadi barang siap/ separuh siap
H2- mewujudkan nilai tambah
C- Getah cair diproses menjadi tayar kereta/ sarung getah

F3- Tertiar
H1- menyediakan produk tak nampak/ perkhidmatan tidak ketara
H2- bagi membantu/ melancarkan aktiviti perniagaan kepada pengguna akhir
C- aktiviti pengangkutan, perbankan, pelancongan dan lain-lain

F4 – Huluan
H1 – Aktiviti pengeluaran yang utama diwujudkan oleh sesebuah organisasi bagi membekalkan bahan mentah atau barang separuh siap kepada organisasi perniagaan lain.
H2 - aktiviti perniagaan yang berlaku dahulu sebelum perniagaan lain dpt dilakukan.
C – Perniagaan Pembalakan membekalkan kayu balak kepada pengusaha kayu untuk membuat papan kayu dan sebagainya.

F5 – Hiliran
H1- aktiviti perniagaan yang dikembangkan daripada perniagaan huluan/ wujud selepas aktiviti perniagaan huluan
H2- perniagaan yang menjalankan pemprosesan bahan mentah menjada barang siap untuk dipasarkan.
C- Perniagaan yang berasaskan kayu seperti Kilang Kayu Lapis, Kilang Perabot atau Pemborong Perabot adalah perniagaan hliran yang wujud daripada Perniagaan Pembalakan (Perniagaan huluan)

F6 – Domestik
H1- Perniagaan yang beroperasi dalam sesebuah negara dan mengeluarkan hasil keluaran untuk pasaran tempatan sahaja.
H2- Aktiviti perniagaan yang tidak melibatkan pertukaran dan kadar mata wang asing/ menggunakan mata wang negara/ tempatan
C- Perniagaan domestik merangkumi perniagaan yang berteraskan pertanian, perladangan , perkilangan dan perkhidmatan dalam negara Malaysia

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Perniagaan

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar